



TEKS UCAPAN

**YB. DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU
MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PRA PELANCARAN
Putrajaya International Islamic Arts and Culture
Festival (PIIACUF 2015)**

&

Light and Motion Putrajaya (LAMPU 2015)

**DEWAN SERI MELATI, KOMPLEKS PPj
SELASA, 13 OKTOBER 2013, 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmannirahim

Yang dihormati saudara Pengacara Majlis

YBhg. Datuk Hj Hasim Bin Hj Ismail,
Presiden Perbadanan Putrajaya

Duta-Duta

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan

Rakan-rakan media

Dan para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Wilayahku Ceria.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya kerana dengan izinNya jua dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk **Majlis Pra Pelancaran penganjuran Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF) 2015 dan Light And Motion Festival (LAMPU) 2015.**
2. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Perbadanan Putrajaya di bawah pimpinan YBhg. Datuk Haji Hasim bin Haji Ismail diatas penganjuran PIIACUF 2015 dan LAMPU 2015. Kebelakangan ini saya dapati Putrajaya semakin meriah dengan penganjuran pelbagai acara bertaraf antarabangsa yang sememangnya membawa impak yang sangat besar kepada Putrajaya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Jika pada tahun 2013, acara LAMPU disambut secara serentak dengan Sambutan Ambang Tahun Baharu 2014, tahun ini PPj dilihat melaksanakan kelainan dengan menggabungkan LAMPU dan PIIACUF. Gabungan mantap kedua-dua acara bertaraf antarabangsa ini yang

mempunyai peminatnya tersendiri bakal menggamit lebih ramai pengunjung dan menaikkan imej Putrajaya di mata dunia.

4. Bercakap mengenai PIIACUF, walaupun baru tiga tahun penganjurannya, saya sendiri menyaksikan tahun demi tahun kualiti penganjuran PIIACUF terutamanya dari segi penganjuran pameran-pamerannya bertambah baik dan juga dari segi penglibatan negara-negara luar serta penglibatan Research Centre for Islamic History, Art and Culture di bawah naungan OIC adalah amat memberangsangkan.
5. Kerjasama rapat *Government to Government* oleh Perbadanan Putrajaya dan Kedutaan-Kedutaan Asing di Malaysia dan agensi OIC dapat memperkayakan pengisian program dan merapatkan sillaturrahim.
6. Kesediaan negara-negara asing dan agensi OIC untuk menyertai PIIACUF juga merupakan satu pengiktirafan kepada Malaysia dan khususnya WP Putrajaya sebagai Bandar raya yang berpotensi menjadi pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam Antarabangsa alaf baharu.
7. Pada tahun ini **Biro Agama UMNO Bahagian Putrajaya** membawa kelainan dalam bentuk penghayatan kesenian khat ke PIIACUF 2015. Untuk memberi pendedahan dan mencetuskan minat kanak-kanak sekolah terhadap seni khat, **Biro Agama UMNO**

Bahagian Putrajaya telah bekerjasama dengan Gajir Calligraphy dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya untuk menyediakan tulisan khat sepanjang 1 kilometer yang Insya Allah akan memecahkan *Malaysian Book of Records*. Hasil usaha ini akan dipamerkan semasa PIIACUF dihadapan Dewan Persidangan Perbadanan Putrajaya.

8. Ini adalah usaha yang sangat baik dimana didalam proses penyediaan tulisan khat terpanjang ini, selain daripada bimbingan pendidikan kesenian khat, kanak-kanak diterapkan dari awal dengan nilai-nilai murni yang menjadi asas kepada keagungan umat Islam iaitu dedikasi, kerjasama, tekun, bertolak ansur dan hormat menghormati diantara satu sama lain. Penerapan nilai-nilai murni inilah yang akan mencorak anak-anak kita sebagai khalifah-khalifah yang hebat di masa akan datang.
9. Kerjasama di semua lapisan masyarakat baik dari dalam dan luar negara, yang berusia muda atau tua, adalah amat penting, kerana hanya dengan jalinan kerjasama yang baik dan hubungan strategik, kita berpeluang untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan di dalam memantapkan daya saing kita sebagai satu ummah dan meneruskan kegemilangan kita dari satu generasi ke generasi yang lain.

Thank you Your Excellency. Your support for this event is highly appreciated by the Malaysian government.

10. Begitu juga jutaan terima kasih diucapkan bagi sokongan dari dalam negara kita sendiri seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia, Jabatan Muzium, Balai Seni Visual, Arkib Negara, Perpustakaan Negara, Yayasan Restu, Persatuan Seni Khat Kebangsaan dan lain-lain.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Menyentuh penganjuran Festival 'Light And Motion Putrajaya' (LAMPU) 2015 ini adalah mirip kepada International Lighting Festival yang sering dianjurkan oleh bandaraya-bandaraya terkemuka di dunia seperti *Lyon Lighting Festival, Amsterdam Light Festival, Berlin Festival of Light, Light Matters Europe's Leading Festival* dan sebagainya.
12. Kesemua penganjuran Lighting Festival tersebut adalah bernaung di bawah 'Lighting Urban Community International (LUCI), yang mana Putrajaya juga merupakan ahli kepada LUCI.
13. Saya yakin penganjuran 'Light And Motion Putrajaya' (LAMPU) 2015 kali ini akan menjadi titik permulaan kepada penganjuran Lighting Festival bertaraf

antarabangsa yang lebih meriah dan berprestij pada masa-masa akan datang.

14. Semoga dengan penganjuran 'Light And Motion Putrajaya' (LAMPU) 2015 akan menjadikan Putrajaya lebih dikenali di peringkat dunia dan mampu menarik lebih ramai pelancong datang ke Putrajaya yang seterusnya akan melonjakkan ekonomi negara kita.

15. Jelas dari penganjuran kedua-dua acara, PPj semakin giat dalam mempromosi Putrajaya sebagai destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini.

Sidang hadirin yang dirahmati,

16. Di kesempatan ini saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Putrajaya di atas kesungguhan mereka untuk menganjurkan kedua-dua acara PIIACUF 2015 dan LAMPU 2015 dan bersama-sama Tourism Malaysia telah membangunkan pakej pelancongan khusus bagi PIIACUF dan LAMPU. Saya percaya semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung telah mendedikasikan sepenuh tenaga dan komitmen bagi menjayakan acara berkembar ini.

17. Saya bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus memberikan sokongan padu kepada penganjuran acara-acara seumpama ini pada tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya.

18. Saya juga bagi pihak kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada perwakilan asing yang menyokong usaha penganjuran acara ini.

19. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Pra Pelancaran Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival (PIIACUF) 2015 dan Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU) 2015.**

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.